

04 APR 1996

Hayden - Reaksi

PEMIMPIN SELAR KENYATAAN HAYDEN

KUALA LUMPUR, 4 April (Bernama) -- Pemimpin-pemimpin politik Malaysia hari ini mengecam bekas Gabenor Jeneral Australia, Bill Hayden, yang mendakwa Malaysia dan beberapa negara Asia lain mengamalkan dasar perkauman.

Ketua Pergerakan Pemuda Umno Malaysia Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik berkata Pemuda Umno berasa marah atas kenyataan Hayden yang menampakkan kejahilannya terhadap realiti di Malaysia.

"Sebenarnya dia perlu belajar dari Malaysia bagaimana kita menyusun semula masyarakat melalui Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang dapat mewujudkan kemakmuran yang lebih adil," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Konvensyen Kepimpinan Generasi Muda Se-Malaysia anjuran Pemuda Umno, di sini.

Beliau menggesa Hayden, seorang Gabenor-Jeneral yang baru bersara, datang ke Malaysia untuk mengamati keharmonian dan kemakmuran negara yang mempunyai penduduk berbilang kaum.

"Kita menjemput beliau (Hayden) datang ke negara ini dan melihat sendiri bagaimana kebijaksanaan kita menyusun semula masyarakat sehingga mencapai tahap keadilan yang disenangi oleh semua bangsa," kata Rahim.

Dalam satu wawancara dengan sebuah stesen radio di Sydney, Hayden juga mendakwa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjalankan diskriminasi terhadap kaum Cina serta berkata kaum India di negara ini hidup dalam keadaan daif.

Hubungan Malaysia-Australia yang tidak begitu baik diperbaiki baru-baru ini dengan pertemuan antara Dr Mahathir dan rakan sejawatannya dari Australia, John Howard di Brisbane ketika Dr Mahathir singgah sebentar selepas melakukan lawatan rasmi ke New Zealand.

Di IPOH, Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik berkata adalah menyedihkan tatkala kerajaan Australia yang baru berusaha menjalinkan hubungan mesra dengan Malaysia, orang seperti Bill Hayden cuba merosakkan hubungan itu.

Bercakap kepada pemberita selepas menghadiri satu taklimat pembangunan di Perak oleh Menteri Besar Tan Sri Ramli Ngah Talib, beliau berkata "orang Australia nampaknya mahu tengok lihat kita melompat dari sepokok ke sepokok dengan memakai cawat supaya mereka boleh menjadi tuan tanpa menyedari bahawa dunia kini sudah berubah.

Katanya Australia asyik mengkritik Malaysia dan negara-negara Asia yang lain untuk menutup kelemahannya untuk menyertai mereka dalam Rim Asia Pasifik.

Anggota Parlimen Rompin Datuk Dr Jamaludin Jarjis berkata tuduhan Hayden menampakkan sikap menebal penjajah.

"Dia masih ingat yang dia satu kuasa penjajah," katanya dan menambah bahawa Hayden tidak dapat menerima bahawa ekonomi Malaysia lebih baik daripada Australia. -- BERNAMA

MAM HK WE.